

11 FEB 1996

Ling - MCA

MCA ADAKAN PERATURAN PEMILIHAN PARTI

MELAKA, 11 Feb (Bernana) -- MCA akan mengambil tindakan disiplin terhadap pemimpin atau anggotanya yang menjalankan taktik kotor dan kempen tidak sihat bagi pemilihan parti Julai ini, kata presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata Jawatankuasa Kerja Pusat MCA hari ini telah meluluskan panduan peraturan pilihan raya MCA yang bertujuan memastikan pemilihan berjalan dengan adil dan bersih.

"Kita akan membawa sesiapa yang didapati melanggar peraturan itu untuk diadili oleh Jawatankuasa Disiplin parti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan di pejabat MCA negeri di sini.

Ling berkata mereka yang didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan itu boleh dipecat daripada parti.

"MCA tidak memerlukan ahli yang menjalankan kempen menfitnah, menipu dan memburukkan lawan demi untuk mencapai hajat memenangi jawatan," katanya.

Antara peraturan yang dikenakan ialah calon yang bertanding hanya dibenarkan mengeluarkan kenyataan mengenai rekod perkhidmatan dirinya saja semasa berkempen.

"Semua masalah berhubung dengan pemilihan parti tidak dibenarkan dihebahkan kepada media dan umum," katanya.

Pemilihan MCA akan berlangsung pada 6 Julai manakala hari penamaan calon ditetapkan pada 1 Julai.

Ling berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk merasmikan persidangan agung tahunan MCA itu.--BERNAMA

MOZ MAI